

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT, 'LOCAL AGENDA 21'
DAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.2/2019

Tarikh : 15 Julai 2019 (Isnin)
Masa : 11.30 Pagi - 01.00 Petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor

KEHADIRAN

1. Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari, - Pengerusi
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang
2. Encik Lwi Kian Keong
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon KLIA
3. Encik Gun Chee Hui,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Kota Warisan
4. Encik Lee Kang Ming,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Timah Langat
5. Dr. Teo Lian Seng,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Arked
6. Encik Mohd Shafinye Bin Mohd Nasoha
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Taman Mas & Putra Prima
7. Encik Mohd Syamsol bin Md Shariff,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Taman Mas & Putra Prima
8. Encik Rushdan bin Mohamed,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Putra Perdana
9. Encik Hazimun Rahmat bin Mohammad,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Labu
10. Encik Mohd Syahrul Amri bin Mat Sari,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Jenderam

11. Encik Muhamad Mizan Adli Bin Mohd Noor
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Pinggiran Putra
12. ASP Tuan Mohd Sobri Bin Taib
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang
13. Encik Rosman Bin Mohamad
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
14. Ir. Puan Siti Shazwani Binti Mohd Naww
Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Sepang
15. Puan Noraffizah Binti Suhaini
PlanMalaysia@Selangor
Jabatan Perancangan Bandar Negeri Selangor
16. Encik Saiful Akramin Bin Abdullah
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Selangor
17. Puan Wan Munirah Binti Wan Nor Haimi
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang
18. Puan Nuzul Fazlina Binti Rusmi
Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Sepang
19. Encik Mohd Shohadae Bin Muzakir
Pejabat Agama Islam Daerah Sepang
20. Encik Steve Anthony Lojuntin
Sustainable Energy Development Authority M'sia (SEDA)
21. Puan Salwa Binti Samsudin
Sustainable Energy Development Authority M'sia (SEDA)
22. Tuan Saiful Hamiruzzaman bin Mohd Hazir
Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
23. Encik Francis Chuah
Urban Farm Tech Sdn Bhd

TURUT HADIR

24. Encik Mohd Fahmy Bin Tumut
Pengarah, Jabatan Penilaian, Majlis Perbandaran Sepang
25. Cik Arefah Binti Rahim
Pengarah, Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang
26. Encik Sulaiman Bin Abi Hashim
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
27. Encik Mohd Zairi Bin Nasran
Penolong Jurutera, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Sepang
28. Encik Mohamad Shahidan Bin Hashim
Ketua, Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
29. Encik Kuzaini Bin Hamidon
Pengarah Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran
30. Puan Nur Hidayati Binti Dahalan
Ketua, Unit Tender dan Kontrak, Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

31. Puan Rozeta Binti Md. Yusuf,
Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
32. Encik Mohd Adham bin Haji Mahmood,
Penolong Pengarah,
Bahagian Pembangunan Mampan & Pengangkutan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
33. Encik Muhammad Syahir Bin Muhammad Syariff
Penolong Pengarah,
Bahagian Teknologi Hijau, Smart City & Pelaburan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
34. Encik Ibnu Walid bin Zaaba
Penolong Pegawai Perancang Bandar,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik Yusop Bin Md Dohop,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Zon Bandar Bukit Puchong
2. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
3. Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Sepang
4. Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Sepang
5. Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Sepang
6. Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Sepang
7. Jabatan Perlesenan Dan Pengurusan Penjaja, Majlis Perbandaran Sepang
8. Unit Korporat Dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Sepang
9. Unit Undang-Undang, Majlis Perbandaran Sepang
10. Unit Pusat Setempat, Majlis Perbandaran Sepang
11. Unit Pengurusan Maklumat, Majlis Perbandaran Sepang
12. Pejabat Tanah dan Daerah (PTD Sepang)
13. Jabatan Imigresen Negeri Selangor
14. Jabatan Belia & Sukan Daerah Sepang
15. Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
16. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang
17. Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang
18. Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Selangor
19. Malaysia Green Technology Corporation (Greentech)

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

YBhg Tuan Muhammad Hafiz Shaari, Timbalan Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.

Tuan Pengerusi merakam penghargaan terima kasih kepada pihak SEDA Malaysia di atas inisiatif pemberian basikal elektrik kepada pihak MPSepang. Pihak pasukan projek GTALCC /SEDA Malaysia memaklumkan bahawa empat (4) basikal elektrik yang akan diserahkan kepada pihak MPSepang adalah tajaan sepenuhnya di bawah geran Global Environment Facility (GEF) dan UNDP iaitu inisiatif Green Technology Application for the Development of Low Carbon Cities (GTALCC).

Justeru itu, pihak Majlis akan menetapkan satu tarikh yang sesuai untuk penyerahan basikal tersebut kepada MPSepang. Basikal elektrik ini adalah untuk kegunaan pegawai dan kakitangan MPSepang sahaja sebagai galakan dan mengurangkan penggunaan kereta (single use car) semasa menghadiri mesyuarat di pejabat berhampiran sekitar Cyberjaya.

Tuan Pengerusi juga memohon kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensinya yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini berperanan mengikut fungsi jabatan masing-masing.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.1/2019

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.1/2019 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Perlaksanaan 'Bike Share' Di Cyberjaya / Daerah Sepang

Susulan penarikan operasi Bike Share oleh syarikat OFO dan Oblke daripada Malaysia, Pihak MPSepang bersama Stakeholder (Cyberview Sdn Bhd) telah meninjau 'eScooter bike electric' oleh syarikat Neuron Mobility Sdn Bhd yang telah menawarkan penggunaan e-Scooter Bike Share secara (pilot project) di Cyberjaya. Cadangan penggunaan e-Scooter ini telah dibentangkan di **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor Bil.1/2019** dan **Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Cyberjaya Bil.1/2019**



Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Sepang secara dasarnya tiada halangan bagi penggunaan e-Scooter BikeShare oleh syarikat Neuron dan telah bersetuju dengan penggunaan e-Scooter bike secara (Pilot Project) di Cyberjaya terlebih dahulu. Dalam masa yang sama juga, pihak JPJ akan mengkaji dan membuat semakan terhadap penggunaan e-Scooter tersebut. Mesyuarat dimaklumkan bahawa tiada maklumat atau garis panduan khusus berkaitan penggunaan e-Scooter ini.

Tindakan
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
Majlis Perbandaran Sepang
Neuron Mobility (Malaysian) Sdn Bhd

3.2 Pelaksanaan Dan Penglibatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dalam Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project

i) Selangor Intelligent Transport System (SITS) (Training)

Satu 'Training' SITS telah diadakan pada 20 Jun 2019 melibatkan pegawai dan kakitangan seramai 20 orang daripada agensi seperti berikut :

- i. Jabatan Perancangan Bandar (Bahagian Pengangkutan), MPSepang
- ii. Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
- iii. Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
- iv. Unit Undang-Undang, MPSepang
- v. Unit Teknologi Maklumat, MPSepang
- vi. Unit Korporat & Perhubungan Awam, MPSepang
- vii. Rapid Bus Sdn Bhd
- viii. Smart Selangor Delivery Unit, MBI

Latihan Penggunaan BackEnd Office (Selangor Intelligent Transport System) Di Bawah GTALCC Untuk Pengurusan Bas Smart Selangor MPSepang



Tindakan :
Unit Pengangkutan, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
Rapid Bus Sdn Bhd

ii) Urban Farming dan Community Garden di Cyberjaya (Promosi)



Satu cadangan program 'Smart Partnership' bersama Stakeholder dan Multi Nasional Company (MNC) di Cyberjaya dicadangkan untuk dilaksanakan dengan Komuniti Cyberjaya pada November/Disember 2019. Satu Pembentangan oleh Urban Farm Tech akan disampaikan yang menggunakan sistem tanaman Aquaponic dan penyelenggaraan dan pemantauan menggunakan IOT.

Tindakan :

*Unit Local Agenda 21, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
Urban Farm Tech Sdn Bhd*

iii) Sistem 'Smart Waste Management' bagi perumahan Berbilang Tingkat. Pilot Projek di Cyberjaya (Training)

Satu (1) Mesyuarat penyelarasan akan diadakan pada 19 Julai 2019 bagi menentukan samada 'Training' ini perlu diteruskan atau tidak memandangkan penggunaan aplikasi SWM perlu merujuk kepada terma-terma kontrak di antara Jabatan Kesihatan MPSepang dan KDEB.

Tindakan :

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kesihatan, MPSepang
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
GeoInfo Sdn Bhd
KDEB*

3.3 Cadangan Pelaksanaan EPC (Energy Performance Contract) Bagi Pemasangan Lampu LED (Light Emitting Diode) Di Cyberjaya Di Bawah Inisiatif 'Smart & Low Carbon City', Majlis Perbandaran Sepang

Sesi lawatan ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah diadakan pada 28 hingga 30 November 2018 dan beberapa potensi telah dikenalpasti dan cadangan ini akan dibentangkan oleh Jabatan Kejuruteraan dalam mesyuarat akan datang khususnya dari aspek 'business model' untuk pelaksanaan EPC di peringkat MPSepang.

Dalam masa yang sama juga, Jabatan Kejuruteraan telah menerima permohonan daripada dua (2) stakeholder Cyberjaya iaitu Cyberview Sdn Bhd dan Alloy Technology Sdn Bhd berkenaan 'Smart Lighting'. Pihak Jabatan Kejuruteraan dalam proses perbincangan berhubung kaedah pelaksanaan projek ini bersama 'Stakeholder' tersebut. Persetujuan antara Stakeholder bagi pelaksanaan EPC telah dibahagikan seperti berikut:

- a) **Majlis Perbandaran Sepang** melibatkan **Persiaran Semarak Api**. Proses pengiklanan (Tender Terbuka) bagi kerja-kerja EPC tersebut telah diiklan pada awal Julai 2019.
- b) **Cyberview Sdn Bhd & Allo Technology Sdn Bhd** melibatkan **Persiaran Multimedia**.

Tindakan :

*Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Cyberview Sdn Bhd
Allo Technology Sdn Bhd*

3.4 "Detail Site Suitability and Business Model Study for on-site Waste Processing" di Bawah Komponen 3 (GTALCC) : Low Carbon Technology Investments in Cities oleh SEDA Malaysia

Kajian ini telah siap sepenuhnya dan juga telah dibentangkan semasa IGEM 2018 pada Oktober 2018 yang lalu. Tindakan selanjutnya adalah untuk mengadakan perbincangan dengan pihak KDEB atau arahan lanjut samada daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan kerana ia melibatkan sejumlah pelaburan yang tinggi. Satu Mesyuarat Penyelarasan akan diadakan pada 26 Mac 2019 bersama SEDA Malaysia, KDEB, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Perancangan Bandar.

Satu Mesyuarat Penyelarasan akan diadakan pada 19 Julai 2019 bersama SEDA Malaysia, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Perancangan Bandar.

Tindakan

*Jabatan Kesihatan Persekitaran
Jabatan Perancangan Bandar
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
KDEB Waste Management*

3.5 Cadangan Penilaian Bandar Rendah Karbon Bagi Zon Cyber 1, Cyberjaya Seluas 401.92 Hektar (993.16 Ekar) (Tahun 2016 - 2018) Secara 'City Based Approach' Untuk Majlis Perbandaran Sepang

- Mesyuarat secara dasar bersetuju bagi pemilihan Zon / Cyber 1, Cyberjaya sebagai Pilot Projek dan seterusnya menyediakan satu (1) dokumen LCCF Cyber 1 untuk dikemukakan kepada Greentech Malaysia bagi tujuan penilaian
- Satu mesyuarat bersama pihak Greentech telah diadakan pada 7 Mac 2019 berkenaan LCCF.
- Satu sesi Bengkel/Lab bersama Greentech Malaysia akan diadakan pada 28 dan 29 Mac 2019 bagi penyediaan draf akhir dokumen LCCF Cyber 1 untuk dikemukakan kepada Greentech Malaysia bagi tujuan penilaian.
- Sehingga kini, Pasukan Kerja 'Smart SLCC' MPSepang dalam proses pengumpulan data tambahan serta dokumentasi.

Penyediaan Laporan Blueprint Implementation Document (BID) bagi pengukuran LCCF untuk kawasan Cyber 1, Cyberjaya telah lengkap dan dalam proses semakan akhir sebelum dikemukakan kepada pihak Greentech Malaysia sebelum 31hb Julai 2019.

Tindakan
Pasukan Kerja 'Smart & Low Carbon City'
Tenaga Nasional Berhad

3.6 Status Pemantauan, Penyelenggaraan dan Operasi 32 Unit CCTV Di Bawah Projek MERS999 / Bandar Pintar Cyberjaya dan 50 Unit CCTV Di Bawah Projek Selangor State CCTV Untuk Daerah Sepang

Mesyuarat mengambil maklum status 50 CCTV di Daerah Sepang dan 32 CCTV di Cyberjaya. Keberkesanan penggunaan CCTV ini akan dibuat analisa samada membantu mengurangkan jenayah atau aliran trafik. Pihak syarikat Vads Lyfe dan pihak Polis di minta untuk membuat analisa impak atau tahap keberkesanan CCTV.

Bidang tugas pemantauan CCTV adalah seperti berikut :

- a) Penyelenggaraan/Pembaikan kerosakan CCTV : VadsLife
- b) Pengoperasian CCTV : Jabatan Penguatkuasa bersama Pihak Polis (PDRM)
- c) Pemantauan CCTV peringkat MPSepang : Unit ICT
- d) Pemantauan CCTV Peringkat Cyberjaya : Cyberview Sdn Bhd
- e) Bilik Kawalan CCTV di MPSepang : Jabatan Penguatkuasaan / ICT
- f) Bilik Kawalan CCTV di IPD Sepang : Balai Polis BBST / IPD Sepang

Keberkesanan penggunaan CCTV ini akan dibuat analisa samada membantu mengurangkan jenayah atau aliran trafik. Pihak syarikat Vads Lyfe dan pihak Polis di minta untuk membuat analisa impak atau tahap keberkesanan CCTV. Satu 'Task Force' akan dibentuk melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi akan dilaksanakan.

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju supaya 'task force' keberkesanan CCTV dilaksanakan oleh VadsLife atas dasar kontrak penyelenggaraan selama 20 tahun dengan kerjasama PDRM dan agensi teknikal yang lain.

3.7 Cadangan Polisi Pengurusan Tenaga Dan Pembentukan ‘Smart Energy Committee’ (SEC MPSepang) Bagi Pelaksanaan Program Kecekapan Tenaga (Elektrik & Air) Untuk Bangunan Majlis Perbandaran Sepang Dengan Kerjasama ‘Sustainable Energy Development Authority Malaysia’ (SEDA Malaysia)

- Satu Mesyuarat telah diadakan pada 7 Mac 2019 berkenaan pemasangan panel solar di bangunan Majlis Perbandaran Sepang ke arah penurunan penggunaan tenaga elektrik secara berterusan.
- Sesi lawatan tapak telah diadakan pada 11 Mac 2019 bersama anak syarikat TNB (GSPARX) bagi melihat kesesuaian pemasangan panel solar pada bumbung MPSepang.
- Sehingga kini, pihak GSPARX dalam proses penyediaan cadangan ‘Business Plan’ yang lebih teliti kepada pihak MPSepang.
- Kerja-kerja pemasangan panel solar akan dilakukan oleh Pihak Jabatan Bangunan, MPSepang setelah kerja-kerja pembaikan bumbung bangunan pejabat MPSepang selesai.

Tindakan
Pasukan SEC (Smart Energy Committee) MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang

3.8 Cadangan Pelancaran Kebun Kejiranan Desa Pinggiran Putra (Kebun Ikon) Di Bawah Program Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang

Mesyuarat memutuskan supaya kelulusan secara TOL diperolehi dahulu daripada Pejabat Daerah dan Tanah Sepang. Tarikh cadangan pelancaran kebun kejiranan yang dijadualkan pada 13 April 2019 adalah tertakluk kepada kelulusan Pejabat Daerah dan Tanah Sepang serta TNB.

Pihak TNB telah mengeluarkan ulasan bertarikh 13 Mac 2019 yang mana secara dasarnya menyokong dengan syarat mematuhi perkara berikut :

- i) Pokok tanaman yang melebihi 6 kaki tinggi tidak dibenarkan berada di dalam rizab rentis TNB
- ii) Pihak TNB akan mempertimbangkan permohonan ini setelah pokok-pokok yang melebihi 6 kaki tinggi dikeluarkan daripada kawasan rizab TNB
- iii) Aktiviti penanaman pokok melebihi 6 kaki tinggi berhampiran rizab rentis TNB adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Berdasarkan lawatan tapak dan perbincangan wakil Persatuan secara dasarnya bersetuju untuk mematuhi syarat yang dikeluarkan oleh pihak TNB. Pihak Persatuan juga telah memohon kepada pihak MPSepang melalui surat bertarikh

1 Julai 2019 untuk bantuan peralatan dan jentera bagi kerja-kerja pengalihan pokok-pokok yang melebihi 6 kaki tersebut. Perkara ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPSepang serta Jabatan Landskap, MPSepang.



Lawatan Tapak Bersama Pihak TNB, MPSepang dan Persatuan Penduduk Bagi Mendapatkan Ulasan TNB dan Seterusnya Kelulusan TOL Bagi Tujuan Kebun Kejiranan



Tindakan

*Persatuan Penduduk Desa Pinggiran Putra 2
Jabatan Perancangan Bandar (Sekretariat)
Jabatan Kesihatan & Persekitaran
Jabatan Landskap
Pejabat Tanah Daerah Sepang
Tenaga Nasional Berhad*

3.9 Cadangan Meningkatkan Tahap Kesedaran Awam Berhubung Pembangunan Bandar Pintar (Smart City), Bandar Selamat, Bandar Rendah Karbon dan Kempen Cekap Tenaga serta Pembangunan Mampan Melalui Hebahan Animasi Secara Kolaborasi antara Majlis Perbandaran Sepang dan Wau Animation Sdn Bhd.

a. Mesyuarat secara dasarnya tiada halangan terhadap cadangan kolaborasi tersebut. Walaubagaimanapun, perincian terhadap pemilihan 'karektor' dan namanya samada Kapten Sepang dan sebagainya masih perlu diteliti.



b. Mesyuarat secara dasarnya bersetuju tetapi perlu mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Wau Animation Sdn Bhd daripada aspek modus operandi, implikasi kewangan, 'rollout plan' dan kaedah pelaksanaan untuk dimuktamadkan.

Pihak Wau Animation dalam proses penyediaan 'Rollout Plan' dan 'Costing' yang akan dikemukakan kepada pihak MPSepang.

Tindakan
Jabatan Perancangan Bandar
Unit Korporat & Perhubungan Awam
Wau Animation Sdn Bhd

3.10 Cadangan Pembangunan MAEVI (*Smart Home Automation w/c Energy Efficiency Monitoring & Security*) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) Secara Kolaborasi Dengan Majlis Perbandaran Sepang Oleh MAEVi Sdn Bhd (Anak Syarikat TNB)

- Satu mesyuarat bersama pihak MAEVI telah diadakan pada 7 Mac 2019 berkenaan perincian kaedah pelaksanaan 'Management Energy for Building' di bangunan MPSepang.
- Sesi lawatan tapak telah diadakan pada 11 Mac 2019 bersama anak syarikat TNB (MAEVI) bagi melihat kesesuaian sistem 'Management Energy for Building' untuk dipasang dan diintegrasikan dengan meter sedia ada di bangunan MPSepang.
- Sehingga kini, pihak MAEVI dalam proses penyediaan cadangan 'Business Plan' yang lebih teliti kepada pihak MPSepang.
- Pihak MAEVI telah mengemukakan Sebut Harga kepada pihak Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang. Walaubagaimanapun, pihak Jabatan Kawalan Bangunan sedang melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf (retrofitting) yang lebih utama terlebih dahulu dalam konteks penjimatan tenaga. Dalam hubungan ini, cadangan ini ditangguhkan dahulu bagi mengelakkan berlakunya pertindihan kerja dan akan dirujuk juga kepada pihak SEDA Malaysia sebagai rakan strategik bagi sebarang usaha penambahbaikan.
- Pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui SEDA Malaysia dalam usaha menyediakan dokumen / Polisi penjimatan tenaga bangunan kerajaan khususnya yang melibatkan Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor.

Tindakan
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Smart Energy Committee, MPSepang

3.11 Cadangan Program ‘Policing Community’, Penyediaan Ruang (Wall Stickers) Tips Pencegahan Jenayah, Ceramah Interaktif Pencegahan Dan Demo Survival Jenayah Peringkat Sekolah Dengan Kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang Di Bawah Program Bandar Selamat, Majlis Perbandaran Sepang

Mesyuarat secara dasar bersetuju bagi Cadangan Program ‘Policing Community’, Penyediaan Ruang (Wall Stickers) Tips Pencegahan Jenayah, Ceramah Interaktif Pencegahan Dan Demo Survival Jenayah Peringkat Sekolah. Mesyuarat bersetuju supaya mengadakan Mesyuarat dan melantik Jawatankuasa dengan menjemput pihak Polis dan NGO yang terlibat bagi memilih 6 sekolah yang akan terlibat dengan program ini.

Satu Kertas Cadangan telah disediakan bagi mengadakan Program Pencegahan Jenayah Dan ‘Policing Community’ Di Peringkat Sekolah Secara Kolaborasi Antara Jabatan Pendidikan Sepang, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Majlis Perbandaran Sepang.

Satu perbincangan dengan Jabatan Pendidikan dan PDRM telah diadakan pada 25 April 2019 yang mana telah bersetuju untuk memilih sekolah berikut:

- i. Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
- ii. Sekolah Kebangsaan Taman Putra Perdana
- iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
- iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil
- v. Sekolah Menengah Putra Perdana
- vi. Sekolah Menengah Dato’ Abu Bakar Baginda

Untuk makluman Program ‘Policing Community’ ini akan diadakan pada 24 Ogos 2019 bertempat di KIP Mall, Kota Warisan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan, PDRM dan

Tindakan
PDRM / IPD Sepang
Jabatan Perancangan Bandar MPSepang
Jabatan Pendidikan MPSepang
Semua Ahli Majlis

3.12 Cadangan Pemakaian Garis Panduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED / Crime Prevention Through Environmental Design), Bandar Pintar (Smart City) Dan Bandar Rendah Karbon (LCCF) Di Peringkat Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Bangunan Dan Pelan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang

Mesyuarat secara dasar bersetuju terhadap cadangan prosedur pemakaian Garis Panduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED / Crime Prevention Through Environmental Design), Bandar Pintar (Smart City) Dan Bandar Rendah Karbon (LCCF) Di Peringkat Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Bangunan Dan Pelan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang. Walaubagaimanapun, pemakaian ini akan dipraktiskan di peringkat MPSepang dan panduan ini akan diselaraskan dan dikemaskinikan daripada semasa ke semasa. Laporan akan diedarkan kepada semua Ahli Majlis (Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 & Pembangunan Mampan, MPSepang)

Satu Teach-In Pemakaian *Garis Panduan Rekabentuk Bandar Selamat CPTED (CPTED - Crime Prevention Through Environmental Design), Bandar Pintar (Smart City) dan Bandar Rendah karbon (LCCF) Majlis Perbandaran Sepang* telah diadakan pada 2 Mei 2019 Di Tune Hotel, Dpulze Cyberjaya.

Resolusi Bengkel / Teach-In :

- Bersetuju supaya Garis Panduan ini dijenamakan semula kepada **Garis Panduan Pembangunan Mampan @Sepang (GPPMS)**
- Bersetuju supaya Garis Panduan (GPPMS) ini diperincikan dan dimasukkan **spesifikasi minima** daripada Jabatan Teknikal lain sebagai panduan asas kepada pihak Perunding, Pemaju dan Agensi yang berkaitan ;
- Bersetuju supaya Garis Panduan (GPPMS) di buat pelancaran dan taklimat kepada para Profesional pada bulan **Oktober 2019** dan dikuatkuasakan pemakaian GPPMS.

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan Teknikal MPSepang & Luaran*

4.0 PERKARA YANG DI BINCANGKAN

4.1 **KERTAS 1 : CADANGAN PROGRAM KOMUNITI KEPOLISAN ('POLICING COMMUNITY') DAN PENCEGAHAN JENAYAH MELALUI PENDIDIKAN DI BAWAH PROGRAM BANDAR SELAMAT, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SECARA KOLABORASI DENGAN JABATAN PENDIDIKAN DAERAH SEPANG, IBU PEJABAT POLIS DAERAH SEPANG DAN KIPMALL KOTA WARISAN**

Pengisian program adalah seperti berikut :

BAHAGIAN 1

Program (Ceramah Interaktif) yang akan dilaksanakan diperingkat sekolah kepada pelajar sekolah ialah :

- a) Pengenalan - Tren Jenayah Semasa
 - *Kesedaran Siber - Peranan media sosial & Kesannya*
 - *Tren jenayah siber / jenayah komputer di Malaysia 2018*
 - *Keganasan Siber -Apa & Kenapa*
 - *Fakta Semasa Aplikasi- Apa yang perlu diketahui ?*
 - *Kesan Psikologi (psychological effects)*
 - *Ketagihan gajet, siber & Kesannya*
 - *Penjenayah Siber*
 - *Kenapa sayaMangsa?*
 - *Ketagihan & Kesihatan Mental*
 - *Jenis-Jenis Jenayah Siber*
 - *Kekerapan kes yang dilaporkan*
 - *Golongan yang menjadi mangsa*
 - *Faktor Terpedaya / penyumbang statistik jenayah siber*

- b) Pencegahan dan Survival Jenayah
- *Tips dan pencegahan*
 - *Penyelesaian Konflik*
 - *Persembahan Audio Visual*

BAHAGIAN 2

Penyediaan tips pencegahan jenayah di dinding sekolah yang akan dikenalpasti adalah bersaiz 10 kaki (panjang) dan 8 kaki (tinggi). Contoh 'Benchmarking' adalah seperti tips kesihatan di ruangan tangga Majlis Perbandaran Sepang. Pada masa ini, lawatan tapak akan dibuat setelah mendapat kelulusan dan maklum balas daripada pihak Jabatan Pendidikan Daerah Sepang. Pelaksanaan (Pilot Projek) melibatkan enam (6) buah sekolah ini akan diteruskan ke sekolah-sekolah lain tertakluk kepada peruntukan semasa dan persetujuan pihak sekolah khususnya Jabatan Pendidikan Negeri Selangor / Pejabat Pendidikan Daerah Sepang.

PESERTA / KUMPULAN SASAR

Dianggarkan seramai 200 orang peserta akan terlibat di dalam program ini dan para peserta adalah seperti berikut :

- i. Pegawai dan Ahli Majlis, MPSepang ;
- ii. Agensi Kerajaan / Badan berkanun berkaitan ;
- iii. Murid-murid dan guru pengiring daripada sekolah yang telah dipilih adalah seperti berikut :
 - a) Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - b) Sekolah Kebangsaan Taman Putra Perdana
 - c) Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - d) Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil
 - e) Sekolah Menengah Putra Perdana
 - f) Sekolah Menengah Dato' Abu Bakar Baginda
- iv. NGO, Stakeholder, Pihak Swasta.
- v. Komuniti Setempat

TARIKH PROGRAM

Berdasarkan perbincangan bersama pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor / Daerah Sepang dan Pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang, Program 'Policing Community' ini telah ditetapkan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh : **24 Ogos 2019 (Sabtu)**

Masa : **10.00 pagi - 2.00 Petang**

Tempat : **KipMall Kota Warisan, Sepang**

KEPUTUSAN MESYUARAT

- a) Bersetuju terhadap cadangan penganjuran Program ‘Policing Community’ Dan Pencegahan Jenayah Melalui Pendidikan anjuran Majlis Perbandaran Sepang secara kolaborasi Jabatan Pendidikan Daerah Sepang, PDRM / IPD Sepang serta Sektor Swasta yang lain pada 24 Ogos 2019 (Sabtu) di KIP Mall, Kota Warisan.
- b) Bersetuju terhadap cadangan Aturcara Program ‘Policing Community’ seperti di Lampiran ;
- c) Bersetuju terhadap cadangan mengadakan Program ‘Policing Community’ melalui penyediaan ruang (Wall Stickers) pencegahan jenayah, Ceramah Interaktif Pencegahan Jenayah dan Demo Survival Jenayah peringkat sekolah di Daerah Sepang (Pilot Projek) melibatkan sekolah-sekolah berikut:
 - i. Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - ii. Sekolah Kebangsaan Taman Putra Perdana
 - iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil
 - v. Sekolah Menengah Putra Perdana
 - vi. Sekolah Menengah Dato’ Abu Bakar Baginda

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang*

4.2 KERTAS 2 : CADANGAN PROGRAM ‘URBAN FARMING’ DAN ‘GARDEN COMMUNITY’ DI CYBERJAYA DI BAWAH PROGRAM GTALCC DAN LOCAL AGENDA 21 MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SECARA ‘PRIVATE PARTNERSHIP’ BERSAMA STAKEHOLDER DAN ‘MULTINASIONAL COMPANY’ DI CYBERJAYA

LATARBELAKANG

Program ‘Urban Farming’ pada kali ini adalah melalui inovasi teknologi kaedah ‘Akuaponik’, kaedah penanaman secara ‘Vertical’ menggunakan teknologi (IoT / Internet of Thing) merupakan salah satu cara pertanian bandar yang baru dan terbukti akan menjimatkan kegunaan air, tempat dan boleh menurunkan kadar penghasilan karbon dioksida dalam bandar melalui penyerapan oleh tumbuhan.

Konsep ‘Urban Farming’ ini adalah bagi meningkatkan jaminan keselamatan bekalan makanan (Food Security) dan kepelbagaian makanan (food variety) di dalam sesebuah bandar.

Sasaran utama program ini ialah kepada pihak ‘stake holder’ dan ‘Multinational Company’ di kawasan Cyberjaya khasnya dan kawasan sekitar Cyberjaya. Program ini akan diadakan secara ‘Private Partnership’ bagi menunjukkan peranan mereka di dalam usaha untuk menjadikan Cyberjaya sebagai satu kawasan perbandaran yang mengambil kira aspek pembangunan mampan.

PESERTA / KUMPULAN SASAR

Cadangan program ini akan melibatkan seramai 48 pihak 'Stake Holder' dan 'Multinational Company' di yang beroperasi di dalam kawasan Cyberjaya. Bilangan pihak yang terlibat adalah berdasarkan kepada bilangan plot tanaman yang dicadangkan di dalam program 'Urban Farming' ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

- i. Cadangan program 'Urban Farming' dan 'Garden Community' ini tidak melibatkan sebarang kos kewangan kepada pihak MPSepang.
- ii. Cadangan supaya segala urusan pembayaran penyertaan sumbangan CSR projek ini menggunakan akaun Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Sepang
- iii. Kos pelaksanaan akan dibiayai sepenuhnya melalui sumbangan CSR dan penyertaan daripada pihak 'Stakeholder' dan 'Multinational Company' seperti berikut :

PERKARA	JUMLAH (RM)
Penyertaan (Sumbangan CSR) bagi plot tanaman akuaponik : 48 plot tanaman x (RM3,125 / per sistem Aquaponic) Nota (Kos Termasuk) <ul style="list-style-type: none">• Penyediaan plot kebun akuaponik• Kontrak penyelenggaraan selama setahun termasuk khidmat pengajar (T&T)• Majlis Pelancaran / Perasmian	150,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja)

Nota :

Projek ini dilihat dapat membantu Cyberjaya sebagai showcase yang pertama di peringkat PBT yang mengadaptasikan konsep Aquaponik. 'Showcase' ini juga akan dijadikan platform sebagai salah satu produk Tahun Melawat Sepang 2020 di bawah kerjasama Stakeholders dan Syarikat MNC / Komuniti di Cyberjaya.

KEPUTUSAN MESYUARAT

- a). Mesyuarat mencadangkan penganjuran Program 'Urban Farming' Dan 'Garden Community' Di Cyberjaya Di Bawah Program GTALCC Dan Local Agenda 21 Majlis Perbandaran Sepang Secara 'Private Partnership' Bersama Stakeholder Dan 'Multi Nasional Company' (MNC) Di Cyberjaya. Walaubagaimanapun, perbincangan lanjut perlu diadakan bagi memastikan terdapat penglibatan daripada komuniti di Cyberjaya.
- b). Mesyuarat memutuskan supaya Cadangan Lokasi 'Urban Farming' sebagai showcase bagi projek GTALCC / UNDP dan Showcase produk sempena Tahun Melawat Sepang 2020 oleh PBT MPSepang dilihat kesesuaian dan dicadangkan dilokasi yang lebih sesuai. Pihak Jabatan di pohon untuk memperincikan cadangan lokasi tersebut.
- c). Satu cadangan program 'Smart Partnership' bersama Stakeholder dan Multi-Nasional Company (MNC) di Cyberjaya dicadangkan untuk dilaksanakan dengan Komuniti Cyberjaya pada November/Disember 2019. Perbincangan antara Jabatan dalaman MPSepang bagi mengenal pasti kaedah terbaik menjayakan penglibatan Stakeholder dan Multi Nasional Company (MNC) di Cyberjaya melalui "Smart Partnership" perlu dimuktamadkan terlebih dahulu.

Tindakan
Jabatan Perancangan Bandar
GTALCC / SEDA Malaysia

4.3 **KERTAS MAKLUMAN : PELAPORAN STATISTIK JENAYAH KEKERASAN/JALANAN DAN JENAYAH HARTA BENDA SERTA STATISTIK KEMALANGAN JALANRAYA DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI JANUARI 2019 HINGGA JUN 2019.**

Pembentangan Pelaporan Statistik Jenayah disampaikan oleh ASP Tuan Mohd Sobri bin Taib daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD Sepang).

Perangkaan menunjukkan kes jenayah jalanan, jenayah harta benda mengalami penurunan sebanyak 0.65 peratus secara perbandingan dengan tahun sebelumnya bagi bulan Jan - Jun 2018/2019. Perincian statistik boleh dirujuk di IPD Sepang dan juga di Jabatan Perancangan Bandar, (Unit Bandar Selamat), Majlis Perbandaran Sepang.

Manakala perangkaan bagi kadar kemalangan jalan raya di Daerah Sepang pula menunjukkan penurunan sebanyak 11.1 peratus secara perbandingan bagi bulan Mei dan Jun 2018/2019. Perincian statistik boleh dirujuk di IPD Sepang dan juga di Jabatan Perancangan Bandar, (Unit Bandar Selamat), Majlis Perbandaran Sepang.

Berhubung perkongsian data statistik, atas nasihat PDRM, atas dasar kepentingan awam dan untuk tujuan perancangan sahaja data statistik boleh dikongsi dengan kebenaran daripada pihak IPD Sepang dan PDRM Bukit Aman. Justeru itu, didalam minit statistik / perangkaan tidak ditunjukkan tetapi boleh dirujuk di IPD / Unit Bandar Selamat, MPSepang.

5.0 **HAL-HAL LAIN**

5.1 **PENYERAGAMAN PAPAN TANDA (SIGNAGE) DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT**

Cadangan supaya 'signage' di persimpangan lampu isyarat diseragamkan dan mesyuarat memutuskan supaya pihak MPSepang membuat penyelarasan bersama pihak JKR Sepang. Usul / Cadangan ini disampaikan oleh Dr. Teo, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang.

Tindakan
*Jabatan Kejuruteraan
Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang*

5.2 **KAJIAN KEBERKESANAN PENGASINGAN SAMPAH DAN PROGRAM KITAR SEMULA 'RECYCLE'**

Cadangan supaya satu Kajian Keberkesanan Pengasingan Sampah dan Program Kitar Semula (Recycle) dilaksanakan bagi mengenalpasti impak dan kejayaan program. Usul / Cadangan ini disampaikan oleh Dr Teo, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang

Tindakan
Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPSepang

5.3 KAJIAN MENGURANGKAN KADAR KEMALANGAN JALAN RAYA KHUSUSNYA DI KAWASAN YANG KERAP BERLAKU KEMALANGAN

Cadangan supaya satu Kajian bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya di kawasan yang kerap berlakunya kemalangan. Cadangan ini diusulkan oleh Encik Rusydan, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang.

Tindakan
Jabatan Kerja Raya
Jabatan Kejuruteraan
IPD Sepang

5.4 PEMANTAUAN OLEH PIHAK POLIS BAGI ISU KES PERAS UGUT KEPADA KONTRAKTOR OLEH PIHAK 'GANGSTER' DIWAKTU MALAM

Pihak JKR memohon bantuan pihak Polis untuk meningkatkan rondaan khususnya bagi kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembaikan jalan di waktu malam. Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat kejadian peras ugut atau mengambil duit oleh sekumpulan 'Gangster' daripada pihak kontraktor yang dilantik oleh pihak JKR khususnya di waktu malam. Mesyuarat memutuskan supaya pihak JKR dapat menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak IPD Sepang bagi kawasan-kawasan yang akan dilaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut supaya pihak Polis dapat mengambil tindakan pantas dan sewajarnya.

Tindakan
Jabatan Kerja Raya
IPD Sepang

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 1.00 petang

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT , LOCAL AGENDA 21
DAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.2/2019

DISEDIAKAN OLEH :



MOHD ADHAM BIN MAHMOOD

Penolong Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar
Majlis Perbandaran Sepang

Tarikh : 18 Julai 2019

DISEMAK OLEH :



ROZETA BINTI MD YUSUF

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar
Majlis Perbandaran Sepang

Tarikh : 18 Julai 2019

DISAHKAN OLEH :



MUHAMMAD HAFIZ BIN SHAARI A.M.S

Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang

Tarikh : 18 Julai 2019